

DARI SEBULAN KE SEBULAN

[Ruangan ini telah terhenti beberapa lama dahulu dan sekarang dimulakan lagi supaya dapat pembaca-pembaca mengikuti sedikit sebanyak perkara-perkara yang mustahak diperhati terutamanya di sekeliling perjuangan orang-orang kita Melayu yang mengenai hal ehwal Islam-P]

Di dalam pemerintahan siyasa di antara UMNO dengan parti Negara nampaknya sekarang telah terbawa-bawa masalah agama untuk menarik perhatian orang-orang awam yang diharap percaya dan suka menjadi pengikut salah sebuah pertubuhan itu.

Cik Khadijah Sadiq, Ketua Kaum Ibu UMNO, di dalam perjuangan semasa ia di Kelantan dikatakan telah berkata bahawa perjuangan UMNO adalah menyerupai perjuangan Rasulullah (SAW) sedang parti Negara itu adalah sebagai Abū Jahal. Saya fikir ucapan ini telah keterlelalu. Saya tahu Cik Khadijah Sadiq bukan seorang ahli agama dan mengerti tentang itu. Perjuangan Rasulullah (SAW) yang digalang oleh Abū Jahal ialah mentawhidkan umat- dan perjuangan yang dijalankan oleh beliau adalah meninggikan kalimah Tuhan dan menegakkan hukum Allah supaya hukum-hukum itu berjalan. Beliau sangat menegah kepada perbuatan-perbuatan taksub kebangsaan- dan menuntut supaya tiap-tiap umat menjalankan usaha dan kerjanya untuk menegakkan hukum itu di mana jua mereka berada. Hukum Islam itu adalah bukannya hukum yang hanya mengenai ibadat tetapi adalah hukum yang mengenai serba serbi di dalam kehidupan masyarakat.

Dengan keterangan dan fahaman ini adakah UMNO (khususnya kaum Ibu UMNO) telah menuntut dan menjalankan cita-cita yang tersebut seperti yang diperjuangkan oleh Rasulullah (SAW)? Saya fikir belum lagi dan di sana masih nampak peraduan-peraduan kecepatan dan pasar-pasar umum yang bersulam

dengan pekerjaan ‘āsī dengan pada lain kali mengadakan pula peraduan-peraduan al-Quran dan peralatan-peralatan Islam sebagai tujuan menarik orang-orang awam yang tidak faham! Jika bukan perjuangan agama janganlah hendaknya menyentuh-nyentuh agama terutamanya jangan menafikan agama.

Tuan Hāji Mas‘ūd Hayātī di dalam lawatannya bersama-sama dengan ahli-ahli UMNO-M.C.A. ke Ulu Bernam untuk menerangkan ertinya Perikatan UMNO-M.C.A di antara lain-lain membawa firman Allah yang diterangkannya, menurut berita akhbar bahawa Allah berman “Kami jadikan kamu berpuak dan berpuak-puak agar kamu berkenal-kenalan di antara satu dengan lain serta bantu membantu dan harga menghargai.” Ialah yang dikehendaki firman tuhan itu daripada ayat “*Yā ayyuhā al-nās innā khalaqnākum min dhakarīn wa unthā wa ja‘alnākum shu‘ūban wa qabā‘il lita‘ārafū inna akramakum ‘indallāh atqākum*”. Maksudnya: Hai sekalian manusia kami jadikan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami jadikan kamu berpuak-puak dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang-orang yang lebih mulis di sisi Allah dari antara kamu ialah yang lebih taqwanya.”

Menurut pengertian ini maka saya hairan di mana datangnya “bantu membantu dan harga menghargai” itu? Adakah ini kerana hendak menggunakan ayat-ayat untuk menarik orang-orang

awam Islam supaya denderung kepada

“ulama-ulama” UMNO yang cuba menarik rakyat kepada perjuangan yang boleh dipandang sifatnya tidak seperti yang dituntut oleh Islam?

Saya pulangkan kepada ulama-ulama untuk memahaminya- ingatlah kepada ayat-ayat yang memperingatkan berbaik-baik kepada orang kafir!

Menurut Suara Merdeka. Mingguan

UMNO keluaran 28.4.55 Tengku

Abdul Rahman Putra UMNO dikatakan

telah berkata bahawa perjuangan untuk

keselamatan bangsa, tanah air dan agama

bukanlah sebagai pencuri atau penyamun yang tamakkan

kerusi dan kerana itu, ia mengesyorkan, supaya

dengan cara berakan sejawat hendaklah pengikut-pengikutnya

menolong kawannya kerana kalau “berkawan” hendaklah

ada timbang rasa yang adil antara kedua belah pihak. Beliau

menyatakan juga bahawa jika “rakan” itu tidak ditolong

maka mereka hanya akan mendapat dua undi sahaja iaitu

di Pulau Pinang, Ipoh, Mengelembu. Jadi untuk

menunaikan syarat mutlak yang diberi oleh kerajaan British

bahawa kemerdekaan ini diberi hanyalah dengan adanya berbaik-baik

daripada sekalian kaum.

Keterangan yang diberi oleh Tengku Abdul Rahman ini

adalah sebagai penejelasan atas kegelisahan di kalangan UMNO

sendiri- harus atas khabar-khabar angin yang tersiar yang

mengenakan bahawa Perikatan UMNO-M.C.A. dan M.

I.C. (Malayan Indian Congress) telah menetapkan bahawa

kerusi yang sebanyak 152 itu dibahagi kepada 23 UMNO, 23 M.

C.A. dan 6 M.I.C.

Perkara perebutan kerusi-bukannya perkara yang

menjadi maudu’ di dalam perjuangan ini tetapi perkara

yang patut diperhati bahawa pilihanraya yang bakal dihadapi



Di tengah-tengah Tuan Fāḍil al-Jamālī wakil ‘Araf di Kongres Bandung bergambar dengan Tuan Malcolm Macdonald Tuan Sayyid Ibrāhīm al-Saqāf di Singapura.

ini adalah membawa langkah permulaan untuk kemerdekaan

yang akan datang dan dengan sendirinya siapa yang memegang kekuasaan

selama pilihanraya ini nanti itulah yang bakal memerintah

dan dengan sendiri dapat ia meletakkan tapak untuk menentukan

kedudukan kemerdekaan yang akan datang nanti. Sekiranya

kedudukan Melayu lemah dan tidak dapat menguasai

majlis ini maka sudah barang tentu kedudukannya kelak akan

lemah dan tidak dapat memasukkan sesuatu yang berguna “Untuk

keselamatan Bangsa, Tanah Air dan Agama”.

Dengan pendapatan ini maka orang Melayu wajib memerhati

dengan saksama supaya pilihanraya ini jangan dicuainya

dan mestilah kalau boleh segala kerusi ini dibolot oleh

orang-orang Melayu walau apa parti sekalipun, Semolek-moleknya

dalam tujuan ini, sebagaimana yang disyorkan oleh harian

“Majlis” di Kuala Lumpur supaya pilihanraya ini dihadapi

oleh barisan kebangsaan Melayu yang diharap UMNO bersama-sama

di dalamnya supaya tiap-tiap kerusi itu diduduki oleh

bangsa Melayu sendiri.

Saya tidaklah tahu jika ada lain-lain tujuan yang

dimaksud oleh pemimpin-pemimpin agung UMNO dengan dipercayai

orang lain lalu memberikan apa yang ada kepada mereka supaya

dibahagi sama. Kita sebenarnya wajib memerhatikan dengan saksama dalam hal ini, terutamanya ahli-ahli UMNO sendiri supaya jangan kita dijadikan alat untuk faedah bangsa lain kerana jika sudah terlepas baharu beringat- tidaklah ada gunanya lagi.

Kecemburuan kepada M.C.A. telah menggunakan wangnya untuk “membeli” tenaga kita sebenarnya tidak dapat disembunyikan lagi adanya pada sisi orang-orang Melayu pada amnya- dan mereka tetap akan membangkit dalam hal ini sekarang atau kemudian kelak. Satu sebagai buktinya ialah di dalam istiadat membuka rumah UMNO di Pontian di dalam mana, sebagaimana yang disampaikan kepada saya, bahawa wakil M.C.A. yang berucap di situ menyatakan bahawa dalam belanja sebanyak \$ 35, 000 menegakkan rumah itu maka katanya lebih daripada \$ 28, 000 adalah daripada pemberian M.C.A. Saya tidak dapat kenyataan yang sah dan jika benar demikian ini sudah terang mereka telah membangkit kepada apa yang telah diberinya dan harus kelak akan disambutnya jika tidak dengan pertolongan orang-orang mereka tidaklah akan berdiri ruah kita.

Di dalam persidangan Asia-Afrika yang diadakan di Bandung baharu-baharu ini makna penjajahan itu telah ditafsirkan dengan terangnya iaitu penjajahan yang dimaksud itu bukannya sahaja untuk negara-negara Barat tetapi juga termasuk Russia yang disebut dan diagung-agungkan sebagai pembela rakyat jelata.

Tuan Hāji ‘Alī, Cif Kadi Singapura, telah “Memfatwakan” bahawa sebahagian zakat itu boleh digunakan kerana menuntut kemerdekaan “Fatwa” beliau ini umum tetapi pada pandangan saya benar maksudnya- hanya kerana umumnya itu harus menjadikan sebahagian orang-orang awam menjadi keliru. Sebab kita katakan begitu ialah makna “kemerdekaan” yang diluluskan oleh agama adalah kemerdekaan yang dijajah

untuk menuntut supaya hukum-hukum Islam berjalan di negeri ini- jadi bukan kemerdekaan seperti yang dijalankan sekarang yang tidak dijalankan untuk tujuan kerana menyemikan cita-cita Islam. Bukti atas yang demikian ini dapat kita perhatikan di dalam berita hari-hari di dalam mana perkara-perkara yang berlawanan dengan Islam itu telah menjadi-jadi sehingga melanggar dan menentang pengajaran-pengajaran Islam.

Kerajaan Singapura sekarnag telah diperintah oleh jemaah menteri yang terdiri barisan-barisan buruh (*labour front*) dan baharu sahaja pemerintah itu terletak di tangan mereka senjata buruh mulai berlaku iaitu dengan mengadakan langkah-langkah enggan bekerja (mogok). Mesyuarat-mesyuarat awam diadakan dengan bebas yang di dalamnya bercampur pula murid-murid sekolah yang sedang naik itu. Orang-orang awam, yang bukan buruh sudah tentu berasa bimbang sebab melihat kepada gelagat dan akhlak mereka sudah tenti kalau diberikan begitu berleluasan harus kelak diberi bahu naik ke kepala dan harus pula nanti keselamatan dan ketenangan yang lazim didapati di negeri ini akan terganggu. Oleh itu kerajaan buruh yang memegang tampuk pemerintahan sekarang mestilah berhati-hati dan bercermat supaya ketenangan orang-orang awam terkawal.

Seorang “pemimpin” Melayu penyokong PETIR, yang terkenal juga sebagai seorang pekerja yang kuat di dalam urusan agama sehingga pernah mendapat gelaran yang baik daripada seorang pemimpin agama yang terkenal di hadapan khalayak ramai, entah kerana sedang mabuk kepada gerak siyasah di dalam masa pemilihan umum dahulu tatkala menegakkan perdirian PETIR di antara lain-lain mengatakan bahawa “PETIR itu adalah membawa rahmat”. PETIR adalah sebuah pertubuhan sosialis

-sambungan pada muka 26-